



## ANUGERAH BENANG EMAS HASANAH 2024

### Garis Panduan Maklumat & Permohonan

#### PENDAHULUAN

Anugerah Benang Emas Hasanah bertujuan untuk menggalakkan kesinambungan tradisi tekstil tradisional dengan menggalakkan pengeluaran yang berterusan sambil meningkatkan reputasi dan penghargaan terhadap tekstil tersebut dalam masyarakat secara meluas.

Objektif anugerah ini adalah:

- Untuk **mengiktiraf** kecemerlangan, kreativiti dan kemahiran dalam pengeluaran tekstil tradisional, memberi dorongan kepada pembuat tekstil untuk membina reputasi dan jenama peribadi mereka.
- Menawarkan **pendedahan** kepada pemenang anugerah, dengan membuka peluang baru untuk mempamerkan hasil karya mereka, berhubung dengan profesional lain dalam industri, justeru meluaskan penghargaan dan mempelbagaikan penggunaan akhir serta menerokai pasaran baru.
- **Memuktamadkan** kualiti dan inovasi kerja pembuat tekstil, memberikan pengiktirafan dan jaminan nilai oleh pakar industri.
- **Menggalakkan** pereka tekstil untuk terus mempertingkatkan kemahiran dan mengekalkan tahap keterampilan yang tinggi di samping menjulang batasan biasa karya pereka.

#### BIDANG TEKSTIL DAN KATEGORI ANUGERAH

Anugerah akan diberikan mengikut Bidang Tekstil:

- Menyungkit (seperti songket, dastar, sungkit)
- Ikat (pua kumbu, limar)
- Tulis dan Cap (batik tulis, batik cap, telepuk)
- Sulaman dan Hiasan (tekat, keringkam, kelingkan, sulam, kerawang)
- Anyaman (teknik keranjang dalam pelbagai serat)
- Kerja Manik (Manik Sulam Loheng dan Penyulaman)

Setiap Bidang Tekstil akan mempunyai dua Pemenang serta satu Pengiktirafan Kemahiran Kraf:

- **Kategori Tradisional** (dengan hadiah wang tunai sebanyak RM 25,000) Untuk tekstil yang dihasilkan dalam bentuk tradisional dan digunakan secara tradisional melalui teknik pembuatan yang tradisional.
- **Kategori Inovatif** (dengan hadiah wang tunai sebanyak RM 25,000) Untuk tekstil yang dihasilkan dengan menunjukkan inovasi dalam reka bentuk, penggunaan dan/atau pengeluaran. Tekstil ini harus dihasilkan secara manual dan mengandungi unsur-unsur tradisional dalam proses pembuatannya.
- **Pengiktirafan Kemahiran Kraf** (dengan hadiah wang tunai sebanyak RM10,000) untuk peserta yang dinilai layak menerima penghargaan.

Sila ambil perhatian bahawa setiap penyerahan hanya boleh dipertimbangkan dalam satu (1) bidang tekstil sahaja. Oleh itu, anda perlu memilih bidang tekstil yang paling menampilkkan hasil ciptaan anda dan yang mana anda inginkan untuk dipertimbangkan dalam Anugerah ini. Sebagai contoh, sehelai songket limar layak diterima di bawah Bidang “Menyungkit” atau “Ikat”.

## **KRITERIA PENILAIAN ANUGERAH**

Hasil ciptaan yang layak menerima anugerah ini mesti mencapai tahap penghasilan yang tertinggi dan dijadikan penanda aras untuk industri tekstil warisan di Malaysia. Panel Penghakiman akan menilai Hasil Cipta berdasarkan kriteria berikut:

- **Keunggulan**  
Persembahan kecemerlangan dan kualiti menetapkan aras dalam kraftangan: ditentukan oleh penggunaan bahan berkualiti tinggi, standard teknik yang tinggi serta perhatian khusus pada pembuatan dan penyelesaian butiran.
- **Autentik**  
Pengungkapan identiti budaya dan nilai estetika tradisional: ditunjukkan melalui penggunaan ekspresi estetika dan budaya atau teknik pembuatan tradisional yang berjaya.
- **Pemasaran**

Kebolehpasaran produk dengan potensi untuk pasaran serantau dan / atau antarabangsa: berkaitan dengan kebolehan produk digunakan, keselamatan penggunaan oleh pembeli potensial, hubungan harga-kualiti yang seimbang atau kelestarian produksi.

- **Inovasi** (untuk penyertaan Kategori Inovatif)

Inovasi dalam reka bentuk, penggunaan dan produksi: ditunjukkan melalui penggabungan tradisional dan kontemporari atau penggunaan bahan, reka bentuk, dan proses produksi yang inventif dan kreatif secara berkesan dan berjaya.

## **TARIKH UTAMA**

Sila ambil perhatian kepada jadual masa di bawah untuk Anugerah 2024:

**4 April** → Anugerah dibuka untuk permohonan

**20 Ogos** → Tarikh akhir penyerahan pek permohonan

**September** → Pengumuman Keputusan

## **KELAYAKAN**

Pemohon mesti memenuhi syarat-syarat di bawah:

- Seorang individu yang mempunyai kewarganegaraan Malaysia, atau syarikat dan persatuan yang berdaftar di Malaysia dan perlembagaan organisasi tersebut membenarkannya menghasilkan tekstil.
- Pemohon individu mesti berusia sekurang-kurangnya 18 tahun pada masa permohonan.
- Produk permohonan mesti telah dihasilkan oleh pemohon di Malaysia, dalam tempoh dua tahun sebelum tarikh penyerahan.

## **PROSES PERMOHONAN**

Sila ikuti langkah di bawah

**Langkah 1:** Sila lengkapkan dan serahkan **Borang Permohonan**. Sila ambil perhatian bahawa ini adalah borang elektronik.

Permohonan dan karya yang diserahkan akan disahkan oleh Penganjur.

### **Langkah 2: Aset Digital**

Setelah pengesahan dilengkapkan, anda akan dimaklumkan melalui e-mel untuk memuat naik **Aset Digital** yang perlu di serta bersamping Permohonan anda. Aset Digital yang perlu disediakan adalah:

- Maklumat Pemohon – klip video singkat dan 3 gambar digital resolusi tinggi Pemohon di bengkel kerja. Salah satu gambar wajib mengandungi Pemohon bersama Hasil Ciptaan
- Proses Kerja – klip video ringkas dan gambar resolusi tinggi memaparkan langkah-langkah utama semasa proses penghasilan, seperti dinyatakan dalam borang Maklumat Hasil Kerja
- Karya yang Diserahkan – 5 keping gambar resolusi tinggi Hasil Ciptaan, menunjukkan produk dari sudut berbeza dalam pencahayaan baik. Sertakan gambar dekat yang terperinci (close-up photo) pada kerja tersebut.

Sila rujuk [sini](#) untuk panduan gambar dan video terperinci. Ini bertujuan untuk menonjolkan proses kerja Pemohon dan merencanakan profil Pemohon yang menarik untuk anda.

### **Langkah 3: Penyerahan Karya dan Borang Pengisytiharan Pemohon Anugerah 2024.**

Lengkapkan dan tandatangi **Borang Pengisytiharan Pemohon Anugerah 2024** yang akan dihantar kepada anda melalui e-mel.

Kedua-dua Hasil Karya dan Pengisytiharan Pemohon Anugerah 2024 yang lengkap wajib dipos ke alamat di bawah:

Tanoti Shop  
Unit 1-05 GMBB Mall  
2 Jalan Robertson  
50150 Kuala Lumpur  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Perhatian: En Arif Aiman  
Tel: 017 211 1082

Sila tujukan sebarang pertanyaan mengenai proses permohonan kepada En Arif di e-mel [admin@hasanahgoldthreads.com](mailto:admin@hasanahgoldthreads.com).

Tiada yuran permohonan akan dikenakan. Pemohon boleh mengemukakan seberapa banyak permohonan yang diinginkan, asalkan setiap tekstil harus disertakan dengan dokumen permohonan yang tersendiri.

Sila turuti segala langkah diatas, termasuk Hasil Karya menjelang 20 Ogos 2024.

Hasil karya yang diserahkan akan disimpan oleh pihak Penganjur untuk tujuan pameran, promosi dan berkaitan. Semua hasil karya yang dikemukakan akan dikembalikan kepada peserta setelah segala urusan promosi selesai dalam masa setahun.

## **SENARAI SEMAK**

- Borang Permohonan** yang lengkap dan diserah secara elektronik
- Aset Digital** yang telah dimuat naik:
  - 3 gambar dalam format digital resolusi tinggi pemohon dan bengkel kerja. Sertakan satu gambar Pemohon bersama Hasil Cipta.
  - Sekurang-kurangnya 5 gambar atau video dalam format digital resolusi tinggi yang memaparkan langkah-langkah utama dalam proses pengeluaran seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan.
  - 5 gambar dalam format digital resolusi tinggi hasil ciptaan yang dikemukakan, menunjukkan produk dari sudut yang berbeza dan dalam cahaya yang baik. Sila sertakan gambaran digital dekat yang terperinci (close-up photo) pada kerja tersebut.

Untuk dihantar melalui pos ke Tanoti Shop, Unit 1-05 GMBB Mall, 2 Jalan Robertson, 50150 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (FAO: En Arif Aiman, Tel: 017 211 1082):

- **Borang Pengisyiharan Pemohon Anugerah 2024** yang dicetak, lengkap dan ditandatangani.
- Hasil Karya fizikal yang diserah untuk penilaian.

Semua item di atas harus diserahkan sebelum **20 Ogos 2024**.